

NO. SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN
[SIK]

TARIKH : 30 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah bas dan lori yang melebihi had laju di lebuh raya, dan kebelakangan ini pemandu bas dan lori mengakibatkan banyak kemalangan kerana kecuaiian dan pengambilan dadah yang merbahaya, apakah cara penyelesaian untuk masalah ini.

47

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti penguatkuasaan terhadap semua mod kenderaan pengangkutan awam dan barangan (komersial) telah dilaksanakan mengikut rancangan operasi yang telah disediakan, iaitu sama ada secara berkala, rambang dan mengikut jadual bersepadu yang ditetapkan. Aktiviti Rondaan Berkenderaan dan Operasi Khas serta Bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan pengendali-pengendali lebuhraya seperti PLUS telah dilaksanakan sejak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mula beroperasi pada tahun 2011. Dari bulan Januari hingga September 2017, sebanyak 453 siri Operasi Bersepadu telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia.

2. Selain daripada aktiviti penguatkuasaan, SPAD juga turut mengambil pendekatan dengan mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan Pengendali Kenderaan Perkhidmatan Bas dan Kenderaan Barangan khasnya kepada Pengendali yang mempunyai rekod kesalahan atau saman dari pihak PDRM, JPJ dan SPAD. Pengendali-pengendali seperti ini diklasifikasikan sebagai *High Risk Company*. Sesi perjumpaan tersebut adalah bagi memberikan penerangan dan pemakluman berhubung kesalahan yang telah dilakukan dan memberikan amaran kepada Pengendali agar lebih bertanggungjawab dalam memastikan pemandu mereka mematuhi

Undang-Undang. Sekiranya Pengendali terbabit masih gagal mengutamakan aspek keselamatan dan terus melakukan kesalahan, maka pihak SPAD akan mengambil Tindakan Pentadbiran dengan Membatalkan Lesen Pengendali atau Permit Kenderaan.

3. Di samping itu, semua Bas Ekspres dan Kenderaan Barangan diwajibkan memasang *Global Positioning System* (GPS). Sistem ini adalah bertujuan untuk memantau pergerakan bas berdasarkan kedudukan dan kelajuan. Adalah menjadi tanggungjawab pengendali syarikat berkenaan mengawasi dan menyelia sistem tersebut. Dalam pada masa yang sama, pihak SPAD akan mengadakan pemeriksaan secara rambang terhadap Data GPS tersebut dan akan mengambil tindakan sekiranya kenderaan yang dipandu melebihi had kelajuan yang telah ditetapkan. Tindakan perundangan turut dikenakan kepada Pengendali sekiranya gagal memantau pemandu mereka untuk memandu secara berhemah dan memberikan keutamaan yang paling tinggi bagi penumpang dan pengguna jalan raya yang lain.

4. Dalam memastikan pengendali perkhidmatan mengamalkan amalan keselamatan terbaik dalam operasi, Program Keselamatan S.P.A.D. ICOP (*Industry Code of Practice* atau Kod Amalan Industri) telah dikuatkuasakan sebagai syarat lesen bagi setiap pengendali bas melalui Pekeliling 6/2013 bertarikh 20 Ogos 2013 dan setiap pengendali kenderaan barangan melalui Pekeliling 11/2013 bertarikh 31 Oktober 2013.

5. Dalam hal ini, SPAD telah memulakan pemantauan pelaksanaan SPAD ICOP dengan menjalankan audit pematuhan terhadap pengendali bas dan kenderaan barangan sejak Januari

49

2014. Pengendali yang tidak mematuhi keperluan SPAD ICOP boleh dikenakan tindakan penggantungan atau pembatalan lesen pengendali. Lazimnya, tempoh penggantungan selama satu (1) minggu hingga satu (1) bulan akan dikenakan bagi pengendali yang gagal mematuhi kehendak SPAD ICOP Keselamatan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 Seksyen 27 bagi bas dan Seksyen 58 bagi kenderaan barangan.

6. SPAD ICOP – Pengendali Keselamatan Bas dan Pengendali Kenderaan Barangan ini meliputi tanggungjawab yang harus dimainkan oleh semua pihak dari pengurusan peringkat tertinggi hinggalah kepada kumpulan operasi, antara lain termasuklah pengurusan dan pemantauan keselamatan pekerja dan operasi, pengurusan kenderaan, pengurusan pemandu, pengurusan risiko perjalanan dan pengurusan rekod. Dengan pelaksanaan SPAD ICOP - Keselamatan, budaya keselamatan akan menjadi amalan kebiasaan bagi semua pengendali pengangkutan awam darat.

Sekian, terima kasih.